

Persidangan Pertama, Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Melaka Kelima Belas

Melaka fokus tiga sektor ekonomi baharu

Mohamad Fazrul Abdul Majid,
Norafiqah Jamal, Liana Sahabudin
dan Nur Azwani Mohamad

SERI NEGERI - Menyesuaikan diri dengan realiti ekonomi baharu di tengah-tengah perubahan global menjadi misi utama Kerajaan Negeri Melaka.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh berkata, Melaka tidak boleh menjadi penonton sahaja, sebaliknya menjadi yang terawal menyesuaikan diri dengan tiga sektor ekonomi baharu.

Jelas beliau, tiga ekonomi baharu itu adalah ekonomi hijau, ekonomi digital dan ekonomi teknologi tinggi.

"Lawatan rasmi Presiden China ke Malaysia baru-baru ini menjadi isyarat jelas kepada pelabur antarabangsa yang yakin dengan kestabilan negara dan melihat Melaka sebagai pintu masuk baharu ke rantau ASEAN, khususnya dalam sektor teknologi hijau dan mobiliti pintar.

"Atas sebab itu juga, Kerajaan Negeri bertindak pantas apabila menerima undangan mengadakan lawatan kerja ke Shanghai pada minggu lepas bagi membuka jalan kepada kerjasama dalam industri kenderaan elektrik (EV).

"Ini adalah permulaan kepada gelombang pelaburan baharu dari

INFO

3 sektor ekonomi baharu:-

- Ekonomi hijau
- Ekonomi digital
- Ekonomi teknologi tinggi

China. Maka kita akan terus melangkah pantas. Kita permudah urusan perniagaan melalui Melaka Industrial Booster... Kita perkemas infrastruktur digital dan fizikal... Paling penting, kita persiapkan bakat anak negeri untuk ekonomi masa hadapan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika Ucapan Usul Terima Kasih Yang di-Pertua Negeri Melaka pada Persidangan Pertama, Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Melaka Kelima Belas di Seri Negeri di sini, 28 April lalu.

Menurut Ketua Menteri, dengan sokongan semua pihak, Melaka mahu membuktikan bahawa negeri ini bukan sekadar negeri bersejarah, bahkan akan menjadi negeri masa depan yang kekal mampan.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan Kerajaan Negeri menyasar-



AB Rauf ketika menyempurnakan majlis pecah tanah German Technology Park di Bandar Hijau Ayer Keroh. Foto Muhammad Rasul Azli Samad

kan pelaburan baharu RM5 bilion setiap tahun dan menjangkakan jumlah pelaburan yang masuk ke negeri ini boleh mencecah RM10 bilion menjelang tahun 2030.

Beliau berkata, jangkaan itu susulan pencapaian luar biasa nilai pelaburan Melaka yang merekodkan nilai RM8.18 bilion berbanding sasaran asal pada RM5 bilion.

Beliau memaklumkan, bagi melonjakkan daya saing, Melaka

juga merangka tiga pembangunan di kawasan perindustrian strategik iaitu MCORP High Tech Park di daerah Alor Gajah; German Technology Park (GTP) di daerah Melaka Tengah dan ELKAY 2.0 di daerah Jasin yang bakal menjana lebih 50,000 peluang pekerjaan dan memacu pembangunan tenaga kerja tempatan berkemahiran tinggi.

"Dengan strategi ini, Melaka bersedia untuk muncul sebagai

antara pemain utama dalam sektor teknologi tinggi dari semikonduktor ke teknologi hijau, dari automasi ke 'machinery & equipment'.

"Sungguhpun ekonomi dunia sedang bergelora, namun ada peluang yang menanti di sebalik gelora. Negara-negara sedang mencari destinasi pelaburan yang stabil, selamat dan strategik. Melaka mesti tampil sebagai jawapan kepada pencarian itu," katanya.